

Lawatan Sambil Belajar dari PERYATIM

Oleh: Fatin Amira binti Rahmad

22 Januari 2020 – Centre of Technical Excellence Sarawak (CENTEXS) telah menerima kunjungan daripada Lembaga Kebajikan Anak-Anak Yatim Sarawak (PERYATIM) di Santubong, Kuching hari ini.

Rombongan seramai 35 orang anak yatim lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2019 turut diiringi bersama 5 orang pegawai dari PERYATIM.

Tujuan lawatan ini bagi membolehkan para lepasan SPM mendapat pendedahan awal mengenai program-program yang ditawarkan di CENTEXS. Selain itu, pihak CENTEXS juga memberi peluang kepada anak-anak ini mendapat gambaran situasi sebenar di sini.

Setakat ini CENTEXS menawarkan lima (5) teras utama kemahiran teknikal iaitu Oil and Gas, Electrical and Port, Construction, Textile and Hospitality, dan Digital kepada golongan belia di Sarawak.



